


Mengapakah reformasi ini diperlukan?

1. **Menggubal Semula Akta Perkhidmatan Parlimen:** Memastikan Parlimen menguruskan hal ehwalnya sendiri termasuk dalam urusan pengambilan kakitangan dan belanjawan.
2. **Memperkasakan Ahli Parlimen:** Memperkasakan ahli Parlimen dan meningkatkan kuasa pemantauan Parlimen melalui lebih banyak jawatankuasa pilihan dan menetapkan Waktu Urusan Bukan Kerajaan apabila Parlimen bersidang.
3. **Mengawal Selia Peruntukan Pembangunan Kawasan:** Menggubal undang-undang untuk memastikan peruntukan sama rata kepada wakil rakyat kerajaan dan pembangkang.
4. **Memperkuh Akta Kesalahan Pilihan Raya:** Menjelaskan kesalahan pilihan raya, menambah kesalahan baharu dan mengukuhkan kuasa perundangan Suruhanjaya Pilihan Raya.
5. **Menggubal Akta Pendanaan Politik:** Mengawal selia sumber pendanaan dan perbelanjaan calon dan parti politik bagi memastikan ketelusan.
6. **Mereformasi Proses Pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya:** Membentuk Jawatankuasa Pencalonan Suruhanjaya Pilihan Raya (ECNC) terdiri daripada lapan wakil pelbagai cabang kerajaan dan organisasi masyarakat sivil untuk mencalonkan ahli suruhanjaya SPR.
7. **Memperkuh kebebasan SPRM:** Menambah baik mekanisme pelantikan ketua pesuruhjaya SPRM dengan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta SPRM 2009.
8. **Mengasingkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya:** Peguam Negara akan menjadi penasihat undang-undang kerajaan manakala Pejabat Pendakwa Raya bebas yang baru ditubuhkan akan bertanggungjawab ke atas pendakwaan.
9. **Menggubal Akta Ombudsman:** Menubuhkan badan penyiasat bebas di bawah Ombudsman untuk menangani aduan awam.
10. **Menggubal Akta Pengisytiharan Harta:** Mewajibkan pengisytiharan harta bagi wakil rakyat dan senator.
11. **Menggubal Akta Perolehan Kerajaan:** Memastikan sistem perolehan awam yang telus, bertanggungjawab dan berdaya saing.
12. **Menggubal Akta Kebebasan Maklumat:** Mewujudkan parameter yang jelas untuk mengakses maklumat daripada badan awam dan kerajaan.
13. **Meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat:** Menggalakkan dan memudahkan pendedahan salah laku dan memperkasakan perlindungan untuk pemberi maklumat.

Rangka tindakan ini dibangunkan melalui kerjasama IDEAS dengan Agora Society, BERSIH, Coalition for Business Integrity Berhad (CBI), Puan Maha Balakrishnan, Projek SAMA, Rasuah Busters, Sinar Project, Transparency International-Malaysia (TI-M), dan Wo Chang Xi.

Reformasi Institusi



IDEAS bersama rakan organisasi masyarakat sivil menyedari bahawa reformasi institusi adalah saling berkait antara satu sama lain. Rangka tindakan ini menggambarkan hubung kait dan kadar kesegeraan reformasi yang dinyatakan.

Untuk maklumat lanjut sila imbas kod QR untuk melayari laman sesawang IDEAS dan permainan Pantau Dana Politik :




www.ideas.org.my



Pantau Dana Politik

Reformasi Institusi:

Rangka Tindakan Reformasi



- Reformasi yang berkait
- Reformasi yang perlu pelaksanaan segera